

KERTAS MODEL UPSR 1

PEMAHAMAN [011]

Satu jam lima belas minit

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Kamu dikehendaki menjawab semua soalan dalam kedua-dua bahagian ini.*
3. *Bagi Bahagian A, setiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.*
4. *Bagi Bahagian B, jawab semua soalan dalam ruang jawapan yang disediakan.*

Bahagian A

[20 markah]

Soalan 1 hingga 8


Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 “Bilakah _____ akan menjalani latihan bola sepak?” tanya Aiman kepada rakan sepasukannya.
A kita C kami
B anda D kalian
- 2 “Kamu pasti _____ menjawab semua soalan jika kamu mengulang kaji pelajaran dengan tekunnya,” kata Cikgu Amri kepada murid-muridnya.
A pernah C sedang
B dapat D baru
- 3 Mak Munah asyik berbual dengan jirannya hingga _____ nasi yang dimasaknya di atas dapur.
A tengik C hangit
B lemau D hangus
- 4 “Pengawal, izinkan _____ masuk menghadap _____ sultan untuk melaporkan kes kecurian di pelabuhan Melaka,” kata Temenggung kepada pengawal istana.
A patik ... baginda
B hamba ... baginda
C patik ... tuan hamba
D hamba ... tuan hamba

- 5
- | |
|---|
| Bendahara: Baginda akan _____ untuk menyampaikan bantuan makanan kepada rakyat jelata di balairung istana pada pagi esok.
Laksamana: Baiklah, akan hamba uruskan segala persiapan dengan segera. |
|---|

- A menerima menghadap
B menjunjung titah
C merafak sembah
D mencemar duli

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah ini.



- 6 Bulu tangkis yang dipukul oleh Malek jatuh di penjuru _____.
A jejari
B kekuda
C tetulang
D gelanggang
- 7 Sebagai tetamu, kita perlu menjaga _____ ketika menghadiri sesuatu majlis untuk menjamin kelancaran majlis tersebut.
A tatasusila
B tatatertib
C tatakerja
D tatacara
- 8 Nasrul _____ idea untuk menyiapkan karangan yang diberikan oleh guru Bahasa Melayunya.
A kekeliruan
B kebuntuan
C keberatan
D kepekaan

9 Pilih **simpulan bahasa** yang sesuai bagi mengisi tempat kosong.

Beliaulah yang menjadi _____ dalam projek khidmat masyarakat itu.

- A ulat buku
- B puteri lilin
- C telinga lintah
- D tulang belakang

10 Pak Tahir bekerja keras untuk menanggung kos pengajian anaknya di universiti.

Pilih **perkataan sinonim** bagi menanggung.

- A mengatasi
- B membiayai
- C memenuhi
- D merangkumi

11 Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** dengan betulnya.

- I Nadia dan adik-adiknya tinggal di rumah Nek Semah sejak ibu bapa mereka meninggal dunia.
 - II Duit simpanannya di dalam bank tinggal tiga ratus ringgit sahaja.
 - III Murid-murid yang tinggal dalam pelajaran mudah terlibat dengan masalah sosial.
 - IV Permainan tradisional ialah warisan budaya tinggal nenek moyang kita.
- A I dan II
 - B II dan III
 - C I dan IV
 - D III dan IV

12 Pilih **ayat tanya** yang sesuai bagi jawapan yang diberikan.

Pembinaan bangunan tambahan sekolah itu diminta oleh penduduk supaya dicepatkan kerana bilangan murid yang semakin bertambah.

- A Siapakah yang meminta pembinaan bangunan tambahan sekolah itu?
- B Mengapakah pembinaan bangunan tambahan sekolah itu perlu dicepatkan?
- C Bilakah penduduk meminta pembinaan bangunan tambahan sekolah itu dicepatkan?
- D Bagaimanakah pembinaan bangunan tambahan sekolah itu dapat menampung bilangan murid yang semakin bertambah?

13 Pilih **jawapan** yang sesuai bagi **ayat tanya** yang diberikan.

Berapakah jumlah murid yang menyertai Kem Motivasi anjuran Persatuan Ibu Bapa dan Guru?

- A Saya menyertai Kem Motivasi itu juga.
- B Saya tidak pasti bilangan murid yang menyertainya.
- C Kem Motivasi itu dianjurkan Persatuan Ibu Bapa dan Guru.
- D Persatuan Ibu Bapa dan Guru yang menganjurkan Kem Motivasi itu.

14 Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

Pihak berkuasa tempatan akan mengambil tindakan terhadap pemilik gerai yang tidak mematuhi undang-undang.

- A Pemilik gerai akan dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa tempatan.
- B Pihak berkuasa tempatan akan dikenakan tindakan kerana tidak mematuhi undang-undang.
- C Pemilik gerai yang tidak mematuhi undang-undang akan dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa tempatan.
- D Tindakan akan dikenakan kepada pihak berkuasa yang membiarkan pemilik gerai tidak mematuhi undang-undang.

Soalan 15

Pilih ayat yang **betul**.

- 15 I Murid-murid di pusat sumber mengulang kaji pelajaran dengan tekunnya.
 - II Selepas makan dan membaca buku, Aidil terus bermain pada padang.
 - III Kita mestilah amanah oleh tanggungjawab yang diberikan kepada kita.
 - IV Adik Ijan memberikan lobak kepada arnab peliharaannya.
- A I dan II
 - B II dan III
 - C I dan IV
 - D III dan IV

Soalan 16 hingga 20

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada cuti sekolah yang lalu, Shahril telah menghadiri ceramah yang bertajuk “Gangguan Emosi dalam Kalangan Murid” di Dewan Utama 1, Kuala Ketil, Kedah. Penceramah yang diundang khas pada hari itu ialah Doktor Khalid bin Mahmud, iaitu seorang doktor pakar dari Sungai Petani.

Dalam ceramah itu, Doktor Khalid telah memberikan beberapa sebab emosi murid-murid terganggu. Antaranya termasuklah dibuli oleh kawan. Murid yang sering disuruh melakukan sesuatu oleh kawan tanpa kerelaannya akan menyebabkan emosinya terganggu.

Menurut Doktor Khalid lagi, bilik bacaan yang berselerak dapat *mengganggu emosi* murid-murid juga. Bilik yang tidak kemas akan menyebabkan murid-murid berasa tidak tenteram semasa belajar. Oleh itu, mereka sukar memahami topik yang dibaca.

Selain itu, Doktor Khalid turut memberikan maklumat tentang kesan sekiranya emosi murid terganggu. Antaranya termasuklah murid akan berasa bosan. Hal ini akan menyebabkan murid itu tidak suka bergaul dengan kawan-kawan. Mereka lebih suka menyendiri.

Di samping itu, gangguan emosi akan menyebabkan murid-murid cepat marah juga. Akibatnya, mereka tidak dapat berfikir dengan warasnya. Oleh itu, hasil kerja yang dibuat oleh mereka tidak akan memuaskan.

Sebelum mengakhiri ceramahnya, Doktor Khalid meminta murid-murid supaya sentiasa bersikap rasional ketika melakukan sesuatu perkara.

- 16 Doktor Khalid bin Mahmud ialah
 A seorang penceramah bebas.
 B seorang doktor dari Kuala Ketil.
 C seorang doktor pakar dari Sungai Petani.
 D seorang peserta yang mendengar ceramah tentang gangguan emosi dalam kalangan murid.
- 17 Pelbagai kesan dialami oleh murid-murid jika emosi mereka terganggu **kecuali**
 A mereka akan berasa bosan.
 B mereka tidak suka bergaul dengan kawan-kawan.
 C mereka lebih suka menyendiri.
 D mereka dapat berfikir dengan warasnya.
- 18 Apabila seseorang murid berasa marah dan tidak berfikir secara waras,
 A dia lebih gemar menyendiri.
 B hasil kerjanya tidak akan memuaskan.
 C rakan yang lain lebih suka membulinya.
 D rakan-rakan tidak suka bergaul dengannya.
- 19 Pilih pernyataan yang **benar** tentang punca gangguan emosi dalam kalangan murid.
 A Murid sering membantu kawan-kawan.
 B Keadaan bilik bacaan yang tidak kemas.
 C Murid memahami topik yang dipelajari di sekolah.
 D Hasil kerja yang dibuat oleh murid tidak disukai kawan-kawan.
- 20 Rangkai kata *mengganggu emosi* dalam petikan bermaksud
 A menarik perhatian.
 B mengusik perasaan.
 C menghalang pandangan.
 D merosakkan fikiran.

BAHAGIAN A TAMAT

Bahagian B

[30 markah]

Soalan 21(a) *Perkataan bergaris dalam ayat-ayat di bawah ini salah penggunaannya.**Tulis perkataan yang betul dalam ruang yang disediakan.*(i) Asmadi akan bermain dengan arnab peliharaannya selepas pulang dari sekolah di setiap hari.

(ii) Semua murid Tahun 6 dikehendaki menghadiri kelas tambahan yang diadakan pada setiap hari Sabtu daripada minggu lepas.

(ii) Semua peserta ekspedisi mendaki bukit itu perlu menghadapi pelbagai rintangan kerana sampai ke puncak bukit tersebut.

[3 markah]

(b) *Tandakan (✓) di dalam petak yang disediakan bagi mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah ini.*

(i) Pak Cik Salleh membawa _____ penyapu untuk membersihkan kawasan sekolah.

selaras	
---------	--

sebatang	
----------	--

sekaki	
--------	--

(ii) Fatin membeli _____ kertas manila dan _____ buku cerita di Kedai Buku Anjung Sari pada petang semalam.

sekeping senaskhah	
-----------------------	--

sepucuk sekeping	
---------------------	--

sehelai sebuah	
-------------------	--

[2 markah]

(c) *Tulis jawapan yang sesuai bagi soalan yang diberikan dengan menggunakan ayat yang lengkap.*

Bendahara: Bolehkah tuan hamba kumpulkan semua pengawal istana sekarang?

Laksamana: _____

[2 markah]

(d) *Lengkapkan frasa berikut supaya menjadi peribahasa.*

(i) Bagai aur _____

(ii) Seperti menatang _____

[2 markah]

Soalan 22

Tandakan (✓) pada ayat yang betul dan (✗) pada ayat yang salah.

(i)	Raslan belajar dengan tekunnya demi untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran.	
(ii)	Orang ramai berkunjung ke pasar malam kerana terdapat pelbagai jenis barangan keperluan harian dijual di pasar itu.	
(iii)	Sebahagian besar penduduk-penduduk di kampung itu bekerja sebagai pesawah dan pekebun.	
(iv)	Pulau Langkawi ialah pulau bebas cukai yang terkenal di negara kita.	
(v)	Abang Ikhmal bekerja sebagai cef di Selera Restoran semenjak lima tahun yang lalu.	

[5 markah]

Soalan 23

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah ini.

berabad-abad	apabila	puluhan	enak
bertahun-tahun	bila	ribuan	lunak



- (i) Encik Halim mengambil keputusan untuk menetap di kampung halamannya setelah _____ tinggal di luar negara, iaitu setelah menamatkan pelajarannya pada 10 tahun yang lalu.
- (ii) Restoran yang diusahakan oleh Puan Marina dan suaminya ada menjual pelbagai jenis makanan tradisional yang _____.
- (iii) Impian Abang Mirza untuk menjadi usahawan hampir tercapai _____ projek ternakan udang dan ikan yang diusahakannya semakin berjaya.
- (iv) Pesta Buku Antarabangsa yang diadakan Pusat Dagangan Dunia Putra itu dihadiri oleh _____ pengunjung.

[4 markah]

Soalan 24

Teliti carta di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Proses Penyediaan Gulai Lemak Pucuk Ubi Kayu



(a) Selepas ditos, apakah proses yang dilakukan sebelum gulai lemak pucuk ubi kayu dihidangkan?

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

(b) Mengapakah pucuk ubi kayu perlu dicelur sebelum dimasak bersama-sama bawang merah, bawang putih, cili, garam, dan santan?

[2 markah]

(c) Pada pendapat kamu, apakah yang perlu dilakukan oleh pengusaha kedai makan untuk memastikan gulai lemak pucuk ubi kayu yang disediakan disukai para pengunjung?

Jawapan kamu hendaklah menggunakan ayat yang lengkap.

[3 markah]

Soalan 25

Baca resipi di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat yang lengkap.

Resipi Nasi Goreng Kampung

Bahan-bahan:

1. 3 cawan nasi
2. 1 genggam ikan bilis (separuh daripada ikan bilis goreng sehingga garing dahulu)
3. 5 biji cili padi
4. Sayur (kangkung)
5. Garam (secukup rasa)
6. 1 biji bawang besar dan 2 ulas bawang putih



Cara-cara memasak:

1. Tumbuk bawang besar, bawang putih, ikan bilis, dan cili padi hingga lumat. Jika tiada lesung batu, boleh cincang bahan-bahan tersebut sehingga halus.
2. Tumis semua bahan tadi sehingga naik baunya. Kemudian, masukkan nasi dan kangkung tadi.
3. Masukkan garam secukup rasa.
4. Masukkan ikan bilis yang telah digoreng tadi apabila semua bahan sudah sehati manakala kangkung telah layu.
5. Kacau sebentar dan hidangkan.

(a) Nyatakan bahan yang tidak menggunakan sukatan tertentu untuk memasak nasi goreng kampung.

[1 markah]

(b) Jika tiada lesung batu untuk melumatkan bahan-bahan tersebut, apakah peralatan lain yang sesuai digunakan untuk menggantikannya?

[2 markah]

(c) Apakah yang boleh ditambah supaya hidangan nasi goreng yang disediakan dapat membuka selera kita untuk menikmati nasi goreng tersebut?

[2 markah]

BAHAGIAN B TAMAT

KERTAS MODEL UPSR 1

PENULISAN [012]

Satu jam lima belas minit

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **tiga** bahagian: **Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.**
2. Kamu dikehendaki menjawab ketiga-tiga bahagian.
3. Bagi **Bahagian C**, kamu boleh memilih sama ada menjawab **Soalan 1** atau **Soalan 2.**


Bahagian A

[10 markah]

[Masa yang dicadangkan: 15 minit]

Gambar di bawah ini menunjukkan keadaan di jalan raya.

Tulis **lima** ayat yang lengkap tentang gambar tersebut.



1 _____

2 _____

3 _____

4 _____

5 _____

10

Bahagian B

[15 markah]

[Masa yang dicadangkan: 25 minit]

Semangat kejiranan amat penting untuk mewujudkan suasana yang harmoni dalam kalangan masyarakat.

Tulis ulasan tentang cara memupuk semangat kejiranan dalam bentuk perenggan.

Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

PUKULAH SEMANGAT KEJIRANAN

The illustration features a central group of four diverse people in traditional Malay attire. Surrounding them are four circular vignettes, each with a label in a box:

- SALING MENGHORMATI**: A woman in a sarong kebaya presents a gift to an elderly man sitting on a bench.
- BERSEPAKAT**: A group of people, including a woman in a hijab, agree on something while standing together.
- KUNJUNG-MENGUNJUNGI**: A man in a cap visits an elderly woman sitting in a chair, holding a cup of tea.
- BERGOTONG-ROYONG**: A group of people, including a woman in a hijab and children, are engaged in community work like painting and cleaning.


Bahagian C

[25 markah]

[Masa yang dicadangkan: 35 minit]

Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab **satu soalan** sahaja.

Panjangnya karangan kamu hendaklah antara **80 hingga 120** patah perkataan.



Soalan 1

Sekolah kamu akan mengadakan sambutan Hari Kokurikulum seperti poster di atas. Kamu ingin menyertai pertandingan syarahan yang dianjurkan oleh sekolah kamu bersempena dengan sambutan Hari Kokurikulum tersebut. Tajuk syarahan kamu ialah "Faedah Menyertai Aktiviti Kokurikulum".

Tulis teks syarahan kamu itu selengkapnya.

ATAU

Soalan 2

Kamu telah berkelah di kawasan air terjun bersama-sama dengan keluarga kamu.

Tulis karangan tentang pengalaman kamu itu selengkapnya.
